UUM/AA88/BH/05.10.2026/P:25(1-3)

NEWS HIGHLIGHTS

Straits Times | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro

Date: 5/10/26 Page: 23

Pendidikan

Anugerah Tokoh Siswa Negara (ATSN) 2026

2 pelajar UUM terima pengiktirafan

Kejayaan dua mahasiswa dikongsi warga universiti

Oleh Haliza Mohamad
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima pengiktirafan pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa Negara (ATSN) 2026 baru-baru ini, dengan Mohamad Amar Aidid Mohd Zain dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Siswa Negara dan Ang Yan Wei menerima Anugerah Tokoh Perpaduan Siswa.

Mohamad Amar Aidid, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan, menerima anugerah berkenaan berdasarkan kepemimpinannya ketika menerajui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM bagi sesi 2024/2025.

Penganugerahan itu turut mengambil kira pembabitan beliau sebagai ahli Senat UUM serta Ketua Penerangan Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK).

Mohamad Amar Aidid berkata, latar belakang keluarganya yang berpendapatan rendah menjadi antara dorongan untuk beliau terus memberikan khidmat kepada masyarakat, universiti dan negara.

Anugerah cukup besar

"Ketika pertama kali saya menjejakkan kaki ke dalam MPP, saya tidak pernah bermimpi untuk berada di sini. Namun, Alhamdulillah, perancangan Allah itu sebaik-baik perancangan.

"Hari ini saya diberikan satu anugerah yang bagi saya cukup besar, yang disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri. Saya amat bersyukur dengan anugerah yang dianugerahkan pada hari ini," katanya.

Anak kelima daripada enam beradik itu dibesarkan ibu tunggal selepas bapanya meninggal dunia pada 2012.

Beliau berkata, ibunya yang juga seorang suri rumah berjaya membesarkan mereka tanpa membuatkan anak-anak berasa kekurangan.

"Emak adalah ibu tunggal yang cukup hebat. Beliau membesarkan kami, anak-anaknya tanpa pernah membuatkan kami berasa kekurangan.

"Saya lahir dan dibesarkan dalam denyut nadi mahasiswa daripada keluarga sebegitu, jadi saya berjanji kepada diri sendiri untuk berkhidmat sepenuhnya kepada masyarakat, universiti dan negara," katanya.

Mohamad Amar Aidid yang juga penerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berkata pengiktirafan itu bukan kejayaan peribadi semata-mata, sebaliknya turut dikongsi warga UUM dan mahasiswa lain.

"Kalau boleh saya katakan, kejayaan ini bukan kejayaan individu, tetapi kejayaan universiti dan semua pelajar yang ada pada hari ini," katanya.

Sementara itu, Ang Yan Wei, pelajar Sarjana Muda Sains Ekonomi UUM, menerima Anugerah Tokoh Perpaduan Siswa pada majlis sama.



Mohamad Amar Aidid (kiri) dan Ang Yan Wei dinamakan sebagai penerima Anugerah Tokoh Siswa Negara dan Anugerah Tokoh Perpaduan Siswa. (Foto Ihsan UUM)